

Bernama.com 30 March 2020

Sunlife tubuh dana bantuan COVID-19 RM1 juta

f 💙 🛛 🔂

30/03/2020 03:41 PM

KUALA LUMPUR, 30 Mac -- Sun Life Malaysia menubuhkan Dana Bantuan COVID-19 berjumlah RM1 juta untuk memberi sokongan secara langsung kepada pelanggannya semasa pandemik COVID-19 ini.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negara/Presiden Raymond Lew berkata dana bantuan itu menawarkan manfaat tambahan untuk membantu mereka yang didiagnosis COVID-19 dan juga ahli keluarga mereka.

"Kami juga ingin membantu mereka yang berada di barisan hadapan untuk memastikan rakyat Malaysia selamat dan sihat melalui manfaat kematian khas untuk pelanggan yang menyumbang dalam industri perkhidmatan penting semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Manfaat dana bantuan itu termasuklah bayaran faedah tunai khas sebanyak RM5,000 kepada orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi apabila didiagnosis COVID-19; bayaran faedah ihsan khas atas kematian ahli keluarga terdekat disebabkan COVID-19 sebanyak RM7,500; bayaran faedah kematian khas atas kematian orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi disebabkan COVID-19 sebanyak RM7,500 atau bayaran faedah kematian khas atas kematian khas atas kematian disebabkan COVID-19 orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi disebabkan COVID-19 sebanyak RM7,500 atau bayaran faedah kematian khas atas kematian disebabkan COVID-19 orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi yang menyumbang dalam industri perkhidmatan penting terpilih semasa PKP sebanyak RM15,000.

"Ini untuk pelanggan sedia ada dan baharu serta manfaat ini boleh didapati dari 18 Mac, 2020 hingga 30 Jun, 2020 atau sehingga dana itu telah digunakan sepenuhnya, yang mana lebih awal," katanya.

Lew berkata dengan situasi COVID-19 yang meningkat, syarikat insurans menyasarkan untuk menangani kebimbangan yang dihadapi oleh pelanggan yang terjejas dan mengurangkan tekanan kewangan keluarga mereka.

"Sebagai bukti kepada komitmen kami untuk meringankan beban kewangan pemegang polisi kami, kami telah menyediakan proses tuntutan yang cekap untuk memastikan mereka dilindungi dengan berkesan dalam tempoh ini," katanya.

Selain itu, Sun Life Malaysia turut menyertai dana bantuan khas industri untuk semua pemegang polisi/peserta insurans dan takaful.

Dana bantuan itu untuk menggalakkan dan mengurangkan halangan kos untuk ujian COVID-19 di hospital swasta dan kemudahan perubatan, dengan menyediakan faedah RM300 selepas ujian.

"Susulan pengumuman Bank Negara Malaysia baru-baru ini, Sun Life Malaysia akan turut memperluaskan tempoh penangguhan ke atas semua bayaran premium/sumbangan untuk pelanggan yang terjejas sehingga 90 hari. Pemegang polisi boleh memohon untuk penangguhan pembayaran menjelang 31 Disember, 2020," katanya.

-- BERNAMA